



kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau emel kepada rencana@hmetro.com.my

Keluarga tak suka kekasih

Remaja tetap teruskan hubungan secara sulit kerana pernah terlanjur

SOALAN 1

SAYA remaja berusia 17 tahun dan mempunyai teman lelaki berusia 24 tahun. Dia sangat baik terhadap saya dan hubungan kami diketahui keluarga.

Keluarga tidak menyukainya kerana dia tiada pekerjaan tetap dan meminta saya memutuskan hubungan itu.

Bagaimanapun, saya tetap meneruskan hubungan ini tanpa pengetahuan keluarga kerana kami pernah beberapa kali terlanjur. Selain itu, saya tidak mahu orang lain muncul dalam hidupnya.

Masalahnya, apakah akibat-

nya jika saya berkahwin dengan orang lain jika kami tiada jodoh? Bahagiakah kami andai kata kami berkahwin tanpa restu keluarga?

Saya sayang padanya, tetapi tidak tahu berbuat apa-apa. Saya amat tertekan dengan masalah ini dan ia turut mengganggu pelajaran.

Gadis Ipoh

JAWAPAN 1

PUJANGGA mengatakan cinta itu buta, mumi dan luhur. Cinta itu buta apabila ia menguasai diri tanpa pertimbangan. Cinta memerlukan

tindakan rasional dan pertimbangan.

Jadi, adik perlu melihat percintaan dari sudut pandangan adik, teman lelaki dan keluarga.

Soal bahagia atau tidak dalam perkahwinan adalah ketentuan kehidupan. Kita hanya mampu berusaha dan merancang, tetapi Tuhan menentukannya.

Dalam sesuatu perkahwinan untuk mencapai kebahagiaan, ia memerlukan kesefahaman dan tanggungjawab daripada dua insan itu sendiri.

Cinta tidak selalu bersama jodoh, tetapi jodoh selalu bersama cinta. Ini menjawab persoalan adik akibatnya jika

berkahwin dengan orang lain. Siapa pun jodoh adik, adik boleh bahagia jika perkahwinan itu diiringi resipi kebahagiaan perkahwinan.

Cinta tidak menjanjikan sebuah rumah tangga aman damai, tetapi penerimaan dan tanggungjawab adalah asas utama kebahagiaan mahligai dibina. Cinta akan bertukar menjadi tanggungjawab apabila terbinanya sebuah rumah tangga.

Dari segi rasionalnya, perkahwinan yang tidak direstui keluarga boleh berhadapan masalah kerana perkahwinan tidak membataskan hubungan dengan keluarga.

Malah, banyak perkara dalam

perkahwinan akan membabitkan ahli keluarga. Sokongan keluarga juga diperlukan walaupun seseorang itu sudah mendirikan rumah tangga.

Ibu bapa selalu inginkan yang terbaik untuk anak mereka. Keluarga tidak menyukai teman lelaki adik kerana dia tidak mempunyai pekerjaan tetap. Jika itu puncanya, teman lelaki adik perlu bertindak dengan mencari pekerjaan dan membuktikan dia benar-benar serius untuk mengahwini adik.

Oleh itu, lebih baik adik berterus terang dengan keluarga berkaitan hubungan kalian.

Jika perhubungan itu terus disembunyikan, lambat laun ia akan diketahui juga.

Adik masih muda dan perjalanan hidup masih jauh. Pelajaran juga perlu diberi perhatian. Usia ada kalanya membataskan pemikiran adik untuk melihat sudut pandangan orang lain terutama keluarga.

Perbincangan dengan keluarga jalan terbaik untuk adik menyelesaikan masalah. Setidak-tidaknya keluarga dapat mengetahui dan melihat percintaan dari perspektif adik.

Sama ada percintaan adik akan berakhir dengan perkahwinan, hanya jodoh akan menentukan. Keberanian untuk menerima realiti kehidupan satu jalan ke arah kematangan.

Tahu Tak...

Coklat susu biasa mengandungi lebih protein dari pisang.

Discovery CHANNEL
Saluran 551

NATIONAL GEOGRAPHIC CHANNEL
Saluran 553

Sc discovery science
Saluran 554

HISTORY
Saluran 555

ANIME
Saluran 556



Banyak boleh belajar dengan Pakej 'Learning'

Untuk melanggan Astro, sila hubungi:
03-7491 9888
atau layari www.astro.com.my

astro

mempesonakan kehidupan

Pelajar terlanjur mangsa perli di sekolah

SOALAN 2

SAYA pelajar sekolah menengah berusia 16 tahun. Saya mempunyai masalah berkaitan masa silam dan perkara ini membuatkan saya sentiasa tidak senang duduk.

Saya pernah terlanjur dengan kekasih dan perkara ini diketahui sesetengah orang. Selain itu, ketika di sekolah rendah, saya pernah dirogol.

Masalahnya sekarang, perkara itu kini diketahui ramai kerana dihebohkan seorang kawan yang mengetahuinya.

Dia juga mengatakan saya mengalami keguguran padahal

saya tidak pernah mengandung. Disebabkan hal ini, ada segelintir pelajar jijik untuk berkawan dengan saya selain sentiasa memperli.

Saya sangat malu dengan hal ini. Apa yang harus saya buat Dr? Setiap hari, fikiran saya terganggu kerana perkara ini.

Gadis malang, Melaka

JAWAPAN 2

DADIK hadapi. Bukan senang untuk tidak menghiraukan cakap-cakap dan pandangan

Peranan rakan dalam kehidupan remaja memang penting. Jika mereka menyisih atau memandangi jijik kepada kita, tentu ia memberi tekanan.

negatif orang terhadap diri kita. Apatah lagi pada peringkat umur adik yang masih remaja.

Peranan rakan dalam kehidupan remaja memang penting. Jika mereka menyisih atau memandangi jijik kepada

kita, tentu ia memberi tekanan seperti yang adik rasakan sekarang.

Adik sudah melalui peristiwa pahit dalam kehidupan yang membuatkan adik trauma. Namun, kehidupan perlu diteruskan kerana adik berhak menikmati kebahagiaan hidup seperti orang lain.

Di mana-mana pun, pasti ada orang yang sentiasa bersikap prejudis terhadap kita. Kita tidak boleh lari daripada sesetengah manusia yang bersifat negatif dan mencari kelemahan orang lain.

Justeru, adik perlu menerangkan kepada rakan berkaitan

perkara sebenar. Namun, adik perlu menerima sebarang kemungkinan kerana sesetengah manusia tetap mempunyai pandangan yang serong.

Mereka itu umpama manusia yang tidak suka melihat kebaikan diri orang lain. Orang sebegini selalu melemahkan semangat kita untuk meneruskan kehidupan.

Langkah kedua, adik tidak perlu mempedulikan pandangan segelintir kawan-kawan. Jika mereka jijik untuk berkawan dengan adik, masih ramai di luar sana yang sanggup menjadi kawan.

Perjalanan hidup adik masih

panjang. Lengkapkan diri dengan ilmu dan amal ibadah. Adik diduga dengan peristiwa pahit. Jika adik tabah melalui dugaan hidup ini, adik akan menemui kekuatan diri.

Dalam proses itu, adik akan mengalami jatuh bangunnya, tetapi dengan langkah yang berani, adik berupaya mengharungi kehidupan. Carilah rakan atau orang yang boleh menjadi kawan dan memberi bimbingan.

Jangan ulangi kesilapan lalu dan banyakkkan membaca buku motivasi dan beramal ibadah. Dr amat mendoakan kesejahteraan hidup adik.